

Headline	Hutan bukan sekadar kehijauan		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	31 Mar 2014	Circulation	173,387
Section	Supplement	Readership	699,000
Page No	8,9	ArticleSize	1794 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 35,782
Journalist	LAUPAJUNUS dan ASHRIQ FAHMY		PR Value
Frequency	Daily		RM 107,346



(>) MegaSains

Oleh LAUPAJUNUS
dan ASHRIQ FAHMY AHMAD

"S PESIES yang terkandung dalam hutan terutamanya hutan primer adalah satu aset yang perlu dipulihara. Meskipun kita menggantikan pokok yang kita ambil dalam hutan berkenaan dan menamannya semula, tidak mungkin kita dapat pokok yang sama."

Demikian pesanan ringkas Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit sempena Pelancaran Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) 2014 baru-baru ini.

Bagi mana-mana pencinta alam sekitar, mereka mementingkan kehijauan yang datang daripada pokok dan spesies hutan kerana itulah aset dan khazanah sumber semula jadi yang kita dimiliki.

Bagi James, masyarakat perlu menjaga khazanah itu, daripada laut sehingga ke gunung, tetapi hutan bukan sekadar kehijauan.

Majlis sambutan di peringkat FRIM merupakan susulan kepada sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2014 yang diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 21 Mac lalu dengan tema *Hutan Untuk Kesejahteraan*.

Oleh sebab itulah, sambutan hari hutan bukan hanya menghargai sumber semula jadi tetapi seperti hutan tetapi juga memastikan kelangsungan hidup manusia, dan sebagai jantung kepada dunia yang kita miliki.

Menurut James, Malaysia amat bertuah dianugerahi sumber hutan yang asli, kaya dengan flora dan fauna yang bukan sahaja menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi, malah menjana sumber kekayaan.

"Tanpa penjagaan hutan yang baik, kawasan tahanan air akan terjejas cuaca menjadi semakin panas dan kualiti udara merosot," katanya.

Ketika dunia berdepan dengan pelbagai masalah alam sekitar seperti pelepasan karbon, jerebu, masalah air bersih, kebakaran hutan, hutan menjadi satu-satunya aset yang dapat membantu mengurangkan beban



JAMES DAWOS MAMIT



ABDUL LATIF MOHMOD

Menyumbang kepada sosioekonomi penduduk dan sebagai jantung alam

penduduk dunia berdepan situasi tersebut.

Dalam pada itu, beliau berkata, selain konsep pelancongan alam sekitar atau ekopelancongan yang diperkenalkan sebelum ini, bio pelancongan juga wajar diketengahkan. Konsep tersebut merujuk kepada kawasan hutan dikekalkan keasliannya dan hanya dibina dengan kemudahan minimum untuk dilawati.

Beliau menjelaskan, ekopelancongan adalah kunjungan ke kawasan hutan belum ada gangguan atau sebarang aktiviti manusia yang menjadikan keasliannya manakala biopelancongan memerlukan pembinaan sedikit kemudahan untuk pengunjung seperti lajuan pejalan kaki, wakaf dan calet.

Dalam perkembangan berkaitan beliau berkata, lima negeri yang mempunyai kawasan hutan yang popular di negara ini

khususnya yang telah diwartakan sebagai taman negara dan menjadi tumpuan perlu memanfaatkan aset tersebut sebagai produk pelancongan.

Lima negeri terabit ialah Johor, Selangor, Perak, Sabah dan Sarawak.

Negeri berkenaan sering menjadi tumpuan konsep pelancongan inap desa (*homestay*) kerana memiliki hutan yang menarik minat pelancong asing.

Sempena program tersebut, beliau merakamkan penghargaan kepada FRIM kerana kejayaannya menjalankan pelbagai penyelidikan yang meningkatkan nilai kayu.

"Dalam hutan kita ada ini pokok balak dan FRIM telah banyak menjalankan penyelidikan berkaitan teknologi kayu.

"Sebagai contoh, menggunakan teknologi tersebut, kayu getah boleh dijadikan kayu struktur dengan meningkatkan ketumpatannya manakala terdapat kayu yang boleh dilenturkan dengan tujuan tertentu khususnya sebagai bahan binaan.

Sesungguhnya kata beliau, hutan telah memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada kehidupan manusia dalam aspek sosial atau ekonomi.

Hutan menjadi

Info

→ Kelas kampus FRIM ialah 544 hektar yang dikelilingi Bukit Lagong hingga Hutan Simpan Bukit Hari

→ Diwartakan sebagai warisan semula jadi pada 10 Februari 2009 dan Warisan Kebangsaan pada 10 Mei 2012

→ Dianugerahkan Mahathir Science Award pada 2009

penstabil kepada alam sekitar, menyimpan kelembapan dan sumber oksigen. Kejadian jerebu dan pembakaran hutan baru-baru ini melibatkan 1,478 kawasan memberi khabar buruk kepada kita bahawa sebahagian asset tersebut telah



FRIM memperkenalkan beberapa hasil penyelidikannya iaitu kultur tisu dan juga teknologi kayu (kiri).



DR. James Dawos Mamit menamam sebuah pokok sebagai simbolik acara perasmian.

DR. James mendaratkan plak semasa merasmikan Hari Hutan Sedunia FRIM 2014 sambil diperhatikan oleh Dr. Latif Mohmod dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr. Abdul Rahim Nik (kiri).

Headline	Hutan bukan sekadar kehijauan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	173,387
Page No	8,9	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	1794 cm²
Journalist	LAUPAJUNUS dan ASHRIQ FAHMY		
Frequency	Daily	AdValue	RM 35,782
		PR Value	RM 107,346

SainsMega ↪



FRIM hargai media

SEBAGAI sebuah pusat penyelidikan perhutanan terkemuka negara, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sentiasa menjadi perhatian. Oleh itu FRIM sentiasa mendapat perhatian media massa yang menyokong dan mengikuti rapat perkembangan institut tersebut.

Malah, FRIM sering dilihat menjadi juara dalam bidang penyelidikan berkenaan hutan dan isu alam semula jadi menjadikan institut tersebut dijadikan rujukan dan tumpuan media.

Pihak FRIM sendiri turut merasai impak positif daripada liputan media yang diperolehi mereka.

Justeru, baru-baru ini, institut tersebut telah mengadakan Majlis Penghargaan Media di Dataran FRIM, Kepong, Selangor yang disempurnakan oleh ketua pengaruhnya, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod.

Majlis yang berlangsung secara santai tersebut menyaksikan sembilan agensi media tempatan menerima anugerah berupa sijil penghargaan dan barang cendera hati.

Sembilan agensi media tersebut ialah *Utusan Malaysia*, *Star Publications (M) Sdn. Bhd.*, *Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)*, *Radio 24*, *Sinar Harian*, *Jabatan Penyiaran Malaysia (RTMI)*, *Nanyang Siang Pau*, *China Press* dan *radio fz.com*.

Menurut Dr. Abdul Latif, penghargaan kepada pihak media tersebut adalah atas sokongan dan sumbangan yang diberi kepada usaha peningkatan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penyelidikan dan pembangunan (R&D) perhutanan, pemuliharaan hutan dan penjagaan alam sekitar.

Kita tidak dapat nafikan bahawa media memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara dan pembentukan masyarakat yang peka dan sayangkan alam semulajadi.

"Malah, menjadikan mereka (masyarakat) sedar bahwa penjagaan khazanah alam merupakan tanggungjawab agar dapat terus dinikmati generasi akan datang," katanya dalam ucapan pada majlis tersebut.

kataanya dalam ucapan pada majlis tersebut.

Jelas Dr. Abdul Latif lagi, usaha FRIM menjalankan pelbagai program pendidikan dan kesedaran alam iaitu aktiviti tanggungjawab sosialnya seperti kempen menanam pokok dan program alam sekitar, mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada pihak media.

"Mereka yang terpilih untuk menerima penghargaan FRIM hari ini merupakan rakan-rakan media dari organisasi yang telah menunjukkan komitmen, dedikasi dan keprahitinan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya usaha R&D yang dilaksanakan oleh FRIM.

"Terutamanya dalam bidang perhutanan, pemuliharaan alam sekitar dan merungkai kekayaan kepelbagaian biologi hutan tropika agar terus dihargai oleh masyarakat di negara ini," katanya.

Tambahnya, tanpa sokongan media, adalah sukar untuk menyampaikan segala usaha FRIM kepada masyarakat awam.

Adalah amat penting segala usaha FRIM tersebut disampaikan kepada orang awam agar lebih banyak R&D dapat diketetahui dan bermanfaat kepada orang ramai.

Beliau memberi contoh impak positif yang diterima FRIM pada tahun 2008, pihaknya telah menerima sejumlah anugerah hasil pendedahan media mengenai aktiviti dan R&D yang dilaksanakan kepada umum.

Dalam pada itu, FRIM katanya bakal menganjurkan lebih banyak program yang melibatkan orang awam, justeru kerjasama daripada pihak media amat-amat diperlukan bagi menghebahkan program-program yang bakal dilaksanakan tersebut.

Apa yang pasti, ujar Dr. Abdul Latif, kerjasama FRIM dan pihak media akan terus disemarakkan agar matlamat penubuhan institut tersebut dapat diteruskan demi kepentingan generasi akan datang juga kelestarian hutan dan alam sekitar.

terjejas.

Sementara itu, Ketua Pengarah, FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, hampir 52 peratus spesies flora di negara ini hampir pupus atau terancam.

Ujarnya, jika tiada tindakan yang diambil segera kemungkinan jumlah tersebut akan terus meningkat saban tahun.

"Kebanyakan flora yang terancam ini memiliki nilai farmaseutikal yang tinggi yang mana masih banyak belum kita terokai."

"Malah, pelbagai pesies fauna kita juga turut diancam kepususan, sebagai contoh kumbang tanduk yang dahulu sering kita katakan sebagai serangga perosak bagi pokok kelapa sawit kini sedang terancam kerana serangan ini diseludup keluar dan dijual pada kadar harga yang tinggi, iaitu sekira sehingga RM300 seekor untuk dijadikan koleksi," katanya ketika berucap pada majlis Penghargaan Media di FRIM, Kepong, Selangor baru-baru ini.

Jelasnya lagi, majoriti sumber makamannya juga pada asalnya berasal daripada hutan justeru kawasan hijau tersebut perlu terus dipulihara dan dikenalkan.

"Tanggungjawab memelihara khazanah negara ini tidak hanya berada di bahu FRIM semata-mata, malah masyarakat di negara ini, agensi seperti FRIM pasti tidak akan

berjaya melaksanakan tugasnya dengan baik tanpa sokongan orang ramai," katanya.

Beliau berkata, selain menjadi habitat kepada kepelbagaian biologi dan sinki karbon, hutan juga berfungsi sebagai kawasan tahanan air yang kebiasannya dirujuk kepada sepanjang air hujan.

Air hujan yang diserap itu dituras dan dialirkan ke dalam sungai bagi memastikan bekalan air bersih yang kemudian dikeluarkan sebagai mata air atau dibebaskan dalam bentuk wap ke atmosfera.

Tegas beliau, pembukaan hutan yang tidak dirancang dan pengurusan yang tidak cermat menjelaskan sumber air, perubahan iklim dan cuaca panas dan mengakibatkan hakisan tanah dan banjir.

Dalam pada itu beliau berkata, pengenalan *Symbiosis* iaitu program Keusahawanan Siswazah menerusi kerjasama Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) berjaya membangunkan 10 syarikat terbitan yang memanfaatkan teknologi daripada FRIM.

FRIM juga berjaya membentuk kaedah inovatif dalam memulihara hutan terosot dan bakau bagi perlindungan pesisiran pantai daripada hakisan serta bencana alam

Usaha tersebut telah dijalankan di kawasan bekas lombong bijih timah

di Bidor Perak, dan penghijauan sebahagian kawasan Paya Indah Wetlands.

Kampus FRIM di Kepong juga telah diiktiraf sebagai tapak warisan semula jadi negara dan warisan kebangsaan.

"Kawasan FRIM merupakan hutan buatan manusia yang menjadi pusar rujukan antarabangsa sebagai model penghutanan semula kawasan bekas lombong selain menyimpan 20 peratus spesies terancam dan hampir pupus di negara ini."



ORANG Ramai yang menyertai pelbagai aktiviti sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat FRIM di Kepong baru-baru ini.